

'Jangan guna perpaduan untuk protes'

B. H. 16 MAY 1981

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada kaum belia jangan menggunakan perpaduan di kalangan mereka untuk memprotes atau mengancam negara.

Sebaliknya, perpaduan belia mesti ditumpukan untuk kebaikan, keamanan dan kebahagiaan agama, masyarakat, negara serta mempertahankan segala kebaikan dan mencegah keburukan.

Berucap merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Negara di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, keteguhan perpaduan rakyat merupakan faktor utama menjamin kekukuhan ekonomi dan kestabilan politik.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, perpaduan yang dimaksudkan itu mestilah perpaduan yang berasaskan kesedaran dan tanggungjawab yang suci dan ikhlas, bukannya perpaduan yang simbolis.

"Perpaduan bukan hasil jualan untuk diiklankan tetapi satu hakikat amali yang perlu diamal dan ditanam di sanubari manusia ke arah mewujudkan masyarakat harmoni dan bersatupadu," tegasnya.

Menyentuh pertumbuhan badan-badan sukarela seperti pertubuhan-pertubuhan belia, Timbalan Perdana Menteri berkata, ini menunjukkan kesedaran serta kesanggupan rakyat memainkan peranan dalam arus pembangunan negara.

Bagaimanapun, tambahnya, Kerajaan perlu berhati-hati agar perkembangan yang sihat ini tidak dieksploitasi oleh musuh negara yang menyalahgunakan kebebasan untuk melaksanakan hasrat buruk mereka.

Berhati2

Menyentuh perkara ini, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, pindaan Akta Pertubuhan bertujuan suci untuk menyekat anasir-anasir jahat yang menyalahgunakan kebebasan demokrasi bagi mencapai motif jahat.

"Bagi mereka yang menggunakan hak dan kebebasan secara yang baik dan menguntungkan negara tidak perlu khuatir terhadap apa-apa undang-undang" ujar beliau.

Timbalan Perdana Menteri setepusnya menasihati kaum belia jangan mudah terpengaruh dengan anasir ini dan elakkan daripada mengambil tindakan melulu yang akan merugikan mereka sendiri.

"Saya bimbang nanti dengan tindakan itu saudara sendiri akan terperangkap menjadi Pak Kadok — kalah sabong menang sorak dan akhirnya kampung tergedai," kata beliau.

Kepada pemimpin-pemimpin belia pula, Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan, tidak ada sebab untuk mereka bimbang mengenai pindaan Akta Pertubuhan.

"Tidak ada sebab untuk mana-mana pihak merasa takut selagi ia bergerak secara halal mengikut landasan-landasan perlembagaan negara, perlembagaan pertubuhan masing-masing dan selaras dengan rukun negara.

"Pada saya cuma orang-orang bersalah sahaja yang takutkan undang-undang dan orang-orang yang berdosa sahaja yang takutkan hukuman," jelas Timbalan Perdana Menteri.

Perhimpunan Hari Belia Negara yang ke-14 itu disertai oleh pertubuhan-pertubuhan belia seluruh negara termasuk juga pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudiannya menganugerahkan Anugerah Kurnia Bella Jaya 1980 yang dimenangi oleh Pertubuhan Gerakan Belia 4B Cawangan Kampung Padang Lalang, Air Hangat, Langkawi Kedah.